

Pihak Universiti mempelawa **Warganegara Malaysia** yang **berkelayakan, komited** dan **berdedikasi** untuk berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia bagi jawatan:

## **PENSYARAH PERUBATAN DU51**

### **Syarat-syarat Pelantikan Pensyarah Perubatan DU51**

#### **1. Kelayakan Akademik**

- a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- b) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau
- c) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- d) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.
- e) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya:
  - i. **menerbitkan** tiga (3) penulisan dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus/ISI atau sebuah buku berwasit atau tiga (3) *case report* dalam jurnal diindeks oleh Scopus/ISI sebelum dilantik ke jawatan Pensyarah Perubatan DU51 (semasa berkhidmat sebagai Pensyarah Pelatih atau pengajian di peringkat Ph.D/Sarjana Kepakaran);
  - ii. telah **membentang kertas kerja** sekurang-kurangnya sekali dalam **persidangan** dalam bidang pengajian; dan
  - iii. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang yang berkenaan.

#### **2. Jadual Gaji**

DU51: RM5,862.00 – RM12,492.00

#### **3. Keperluan Bahasa**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **4. Umur**

Calon bagi lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan pegawai yang sedang berkhidmat had umur ditetapkan seperti berikut:

- (a) 54 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun;
- (b) 56 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; dan
- (c) 58 tahun bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

\*Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan/Majikan masing-masing.

**Cara Memohon Jawatan Pelantikan:**

- a) Sila layari laman web UKM [www.ukm.my/kerjaya](http://www.ukm.my/kerjaya) bagi membuat permohonan secara dalam talian.
- b) Calon-calun **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- c) Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses.**
- d) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh empat (4) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat**

Bahagian Sumber Manusia

Jabatan Pendaftar

Aras 1, Bangunan Perpustakaan Lingkungan Ke-2

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi, Selangor

Emel : [upjakademik@ukm.edu.my](mailto:upjakademik@ukm.edu.my)

**Tarikh Buka Iklan : 1 Oktober 2021 (Jumaat)**

**Tarikh Tutup Iklan: 14 Oktober 2021 (Khamis)**

Nota: Pengisian jawatan tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).